



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ هَالِ اَلْاَھْوَالِ اَلْاِیْمَالِ اَلْاِسْلَامِ نِیْجَرِی سَبَاھِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 JAMADILAWAL 1447H / 14 NOVEMBER 2025M

“PERSIAPKAN DIRIMU, WAHAI PEMIMPIN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَيْمَةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾ (السجدة: 24)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jamaah sekalian, marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita semua akan memperoleh rahmat Allah dan menjadi orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Pada hari yang mulia ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: ***"Persiapkan Dirimu, Wahai Pemimpin"***.

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Apabila kita membahaskan tentang kepimpinan, ia bukanlah semata-mata merujuk kepada pemimpin di peringkat tertinggi pentadbiran negeri atau negara sahaja. Bahkan lebih daripada itu, prinsip kepimpinan ini

perlu dihayati dan diterapkan dalam semua peringkat kehidupan kita. Hakikatnya, gelaran pemimpin itu hadir dengan amanah dan tanggungjawab. Dalam apa jua tanggungjawab dan amanah yang dipegang, akan dipertanggungjawabkan di hadapan *robbul jalil* di akhirat kelak, dan segala perbuatan serta keputusan tidak akan terlepas daripada perhitungan yang Maha Adil.

Allah SWT berfirman dalam surah as-Sajdah ayat 24:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *“Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.”*

Firman Allah dalam surah as-Sajdah tadi disokong dan diperingatkan lagi oleh Rasullulah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan saidina Ibnu Umar RA, yang **maksudnya:** *“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinannya. Seorang pemimpin (ketua negara) adalah pemimpin dan akan ditanya tentang rakyatnya. Seorang lelaki adalah pemimpin dalam keluarganya dan akan ditanya tentang mereka. Seorang wanita adalah pemimpin dalam rumah tangga suaminya dan akan ditanya tentang urusannya. Seorang hamba (pekerja) adalah pemimpin terhadap harta majikannya dan akan ditanya tentang tanggungjawabnya. Dan setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinannya.”* (Muttafaqun ‘Alaih)

Daripada hadis ini, dapat kita fahami bahawa, siapa pun kita, sama ada ketua organisasi, seorang ayah, anak, pekerja, guru atau pelajar, maka

kita adalah pemimpin mengikut kapasiti kita masing-masing. Setiap amanah yang kita pikul, pasti akan dihitung oleh Allah SWT kelak.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Menyedari tanggungjawab yang besar dalam diri kita, maka seharusnya kita mempersiapkan diri dengan ciri kepimpinan yang dituntut dalam Islam. Antara sifat-sifat yang perlu diterapkan dalam diri adalah seperti berikut:

Pertama: Takwa dalam segala tindakan. Seharusnya setiap tindakan dan keputusan yang diambil dalam urusan kita, perlu di dasari dengan sifat takwa kepada Allah SWT. Sifat takwa inilah yang akan mengawal tindakan kita agar tidak mengambil sesuatu keputusan yang bercanggah dengan ketetapan syariat. Dengan nilai takwa itulah kita berasa kehadiran Allah SWT apatah lagi dalam berbuat sesuatu. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 52:

... وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “... Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mengawasi tiap-tiap sesuatu.”

Ayat ini menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah SWT sentiasa memerhatikan perlakuan kita. Orang yang bertakwa akan menunjukkan kesabaran dalam menghadapi ujian, kebersihan hati daripada sifat mazmumah, kedamaian yang hakiki, kejernihan fikiran dalam membuat keputusan dan menjadi teladan kepada masyarakat.

Kedua: Berilmu dan bijaksana. Seorang pemimpin perlu berilmu dan bijaksana. Adanya ilmu pengetahuan membolehkan mereka membuat

keputusan yang lebih baik, dapat menyelesaikan masalah dengan cekap serta memahami tanggungjawab dengan mendalam.

Ketiga: Adil dalam tindakan. Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, keadilan bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya, sentiasa peka dan menghulurkan bantuan pada yang memerlukan serta berusaha menegakkan kebenaran. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 135:

* يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوَّٰمِيْنَ بِالْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلٰى اَنْفُسِكُمْ اَوْ
اَلْوَلَدِيْنَ وَالْاَقْرَبِيْنَ ۚ ... ﴿١٣٥﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu...”*

Keempat: Mengamalkan musyawarah, iaitu perbincangan untuk mengambil sesuatu keputusan yang penting. Amalan bermesyuarat ini adalah satu amalan yang dipuji oleh Allah. Ia merupakan salah satu ciri bagi orang beriman yang akan mendapatkan kesenangan yang kekal di sisi Allah SWT. Allah berfirman dalam surah asy-Syura, ayat 38:

وَالَّذِيْنَ اَسْتَجَابُوْا لِرَبِّهِمْ وَاَقَامُوا الصَّلٰوةَ وَاَمْرُهُمْ شُورٰى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنٰهُمْ
يُنْفِقُوْنَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.”*

Amalan berbincang dan meraikan pendapat orang lain ini juga diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan juga para salafussoleh yang terdahulu. Oleh itu, janganlah kerana keegoan diri, menyebabkan kita tidak mahu mendengar dan tidak mempedulikan pendapat orang lain.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Sememangnya tanggungjawab seseorang pemimpin amatlah berat. Selain sebagai sumber inspirasi, motivasi dan membuat keputusan yang tepat, pemimpin juga bertanggungjawab untuk mengelola konflik yang wujud serta menjadi teladan yang baik. Seorang pemimpin yang bertanggungjawab akan mengutamakan agenda perpaduan dalam kalangan ahli keluarga, masyarakat dan lingkungan kita agar kesejahteraan, keamanan, kemakmuran dan keharmonian negara sentiasa terpelihara. Perpaduan antara kaum, agama dan budaya di negeri ini juga perlu kita pertahankan kerana ianya menjadi asas kestabilan negara yang berdaulat. Setiap individu perlu mengamalkan nilai toleransi, saling menghormati dan bekerjasama dalam kehidupan bermasyarakat.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga perpaduan demi kesejahteraan ummah dan masa depan negara yang gemilang. Ingatlah, tanpa perpaduan, tiadalah kekuatan dan keharmonian dalam sesebuah bangsa bersatu.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menyimpul khutbah kali ini, khatib ingin menyeru para jamaah sekalian agar sama-sama kita terus berusaha menjadi pemimpin yang menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya.

Jika kita seorang ayah, maka tunaikanlah hak anak-anak dan keluarga dengan sebaiknya. Jika kita seorang anak, laksanakanlah tanggungjawab

seorang anak kepada ibu bapa. Jika kita seorang pekerja, jangan abaikan tanggungjawab pekerjaan kita. Jika kita seorang majikan, tunaikanlah hak dan tanggungjawab seorang majikan kepada pekerjanya. Begitulah seterusnya, siapapun kita, renungkanlah amanah dan tanggungjawab yang kita pikul, kerana kita semua adalah pemimpin. Semoga kita semua terhindar daripada sifat sebagai pemimpin yang lalai, zalim dan gagal dalam kepimpinannya. Ingatlah ancaman Allah SWT terhadap mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzaab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan Negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah segala kebatilan.

Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.